



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
SELASA , 24 APRIL 2018**

1. TANGANI BARAN PERUBAHAN IKLIM, NASIONAL – SH, 8
2. MOA BELA NASIB PETANI, PERKENAL PELBAGAI PROGRAM INSENTIF DAN BANTUAN, NASIONAL – SH, 8
3. HASILKAN INOVASI PENGURUSAN SUMBER AIR ATASI PERUBAHAN IKLIM – KSU – BERNAMA
4. ORANG RAMAI DINASIHAT BELI HARUMANIS PERLIS SECARA DALAM TALIAN MELALUI PENGELOUAR SAH – RAJA MUDA PERLIS – UM ONLINE
5. BELI HARUMANIS HANYA DARIPADA PENGEDAR DALAM TALIAN YANG SAH – KOSMO
6. THREE – IN – ONE GATHERING OF FOOD PRODUCERS – THE STAR
7. STATE WORKING WITH FISHERMEN TO STOP AFRICAN CATFISH THREAT – THE STAR

*UKKMOA*

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)**

# Tangani cabaran perubahan iklim

GOKINA MORGANAN

PERLIS

**K**ementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) menayakan Persidangan Tahunan Pengairan dan Saliran Malaysia (MANCO) kali ke-22, sebagai persediaan menangani isu global berkaitan pengurusan sumber air dan cabaran perubahan iklim.

Ketua Setiausaha MOA, Datuk Seri Dr Ismail Bakar berkata, perubahan iklim merupakan satu isu tidak dapat dielakkan.

Menurutnya, lanya adalah satu



ISMAIL

fenomena yang memberi kesan secara global yang mula berlaku pada akhir kurun ke-19 lagi, tetapi hanya dapat dibuktikan selepas 15 tahun lalu dengan adanya teknologi dan pemerhatian berterusan.

"Beberapa fenomena seperti peningkatan suhu dunia, peningkatan paras laut telah mula jadi.

"Fenomena yang paling memberi kesan kepada Malaysia ialah kejadian 'extreme events' seperti hujan dan musim kering yang luar biasa, secara langsung memberi kesan kepada bekalan makanan negara.

"Selain itu, pendapatan petani juga berkurangan," katanya dalam ucapan perasmian Persidangan MANCO ke-22 di sini, semalam.

Seramai 95 peserta turut serta melibatkan agensi kerajaan, swasta, NGO termasuklah para akademik untuk sama-sama mengemblem ke arah pembangunan mampan demi masa depan negara.



Ismail (dua, kanan) bersama tamu jemputan khas merasmikan Persidangan Manco ke-22.

Menurutnya, kerajaan melalui MOA telah melaksanakan pelbagai program untuk mengurangkan kesan perubahan iklim di Malaysia.

"Ini kerana penggunaan air yang cekap dan efisien adalah ditekankan dan salah satu pendekatan yang dilaksanakan ialah meningkatkan kesedaran.

"Isu global berkaitan pengurusan sumber air dan cabaran perubahan iklim berkait rapat dengan jaminan dan pengeluaran makanan, pada masa akan datang," katanya.

Ismail berharap, tema per-

sidangan 'Innovative and Sustainable Agri Water Management: Adapting to a Variable and Changing Climate' dapat dilaksanakan dengan baik.

"Semua agensi di bawah MOA seperti MARDI perlu lebih gigih untuk menghasilkan inovasi yang dapat mengatasi masalah secara menyeluruh dan berterusan memastikan sektor pertanian tidak terjejas akibat perubahan iklim peringkat global.

"Saya berharap, persidangan ini

dapat menjana 'outcome' hasil perbandingan idea sesama peserta persidangan yang hadir agar isu atau masalah berkaitan pertanian negara dapat ditangani secara intelektual," katanya.

Justeru, beliau berharap jalinan kerjasama di antara sektor kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO), sektor swasta serta agensi antarabangsa perlu eratkan.

"Semoga semua agensi yang berkaitan akan terus menjalin kerjasama dan persefahaman yang lebih mantap demi kepentingan bersama," katanya.

## MOA bela nasib petani, perkenal pelbagai program insentif dan bantuan

**ALOR SETAR** - Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) memperkenalkan pelbagai program subsidi, insentif dan bantuan demi membela nasib petani.

Ketua Setiausaha MOA, Datuk Seri Dr Ismail Bakar berkata, pihaknya amat prihatin dan mengambil berat terhadap petani di seluruh negara.

Untuk itu, Ismail berkata, kerajaan menerusi MOA melaksanakan pelbagai program bantuan demi membantu petani di seluruh negara seperti di Kedah, Selangor, Kelantan dan Terengganu.

"Selama ini, usaha kerajaan menerusi Kementerian tidak pernah putus-putus membela dan membantu petani, jadi, saban tahun mesti akan ada pengumuman baharu bantuan untuk petani.

"Sebagai contoh, kita bantu petani dengan membekalkan mereka pokok kelapa untuk menjana pendapatan tambahan, selain mengusahakan tanaman padi," katanya ketika berucap di hadapan lebih 300



Sebahagian ahli PPK MADA tekun mendengar ucapan oleh tetamu kehormat.

ahli Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) pada Majlis Perasmian Mesyuarat Agung Tahunan PPK MADA 2018 di sini, semalam.

Turut hadir, Timbalan Menteri Kewangan merangkap Pengerusi Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Datuk Othman Aziz.

Ismail berkata, pihaknya telah berhubung dengan Exco Pertanian Kedah berhubung tanaman kelapa disaran ditanam di rumah-rumah petani ataupun tepi sawah padi.

"Petani boleh tanam kelapa dekat rumah atau tepi bendang. Selepas ini, apabila berbuah, ahli PPK boleh dapatahail. Insya-ALLAH, usaha berkenaan diyakini mampu membantu golongan itu meraih pendapatan," katanya.

Menurutnya, usaha kerajaan membantu petani berterusan melalui penggunaan jentera moden di sawah padi.

Sehubungan itu, katanya, pihaknya telah meluluskan pembelian



Dr Ismail (enam, kanan) bersama Othman (lima, kanan) hadir pada Majlis Perasmian Mesyuarat Agung Tahunan PPK MADA 2018, semalam.

jentera baharu bagi mengurangkan kadar kerugian hasil tuai padi.

"Kita sudah beri kelulusan beli jentera baharu. Malah, kita merancang untuk melaksanakannya pada tahun ini," ujarnya.

Antara lain, katanya, MOA akan berusaha membimbing petani untuk membaiki amalan pertanian supaya masalah padi angin dan tidak terurus sehinggalah soal baja dibangkitkan setiap musim, dapat ditangani sebaiknya.

Dengan ini, katanya, beliau yakin bantuan kerajaan dan amalan pertanian baik mampu membantu petani mencapai hasil tinggi sehingga 8 tan per hektar berbanding 5.5 tan per hektar kini.

Menurutnya, dia turut mengingatkan petani supaya tidak melepaskan peluang memohon peruntukan diperkenalkan untuk membantu petani menjana pendapatan tambahan melalui industri asas tani (IAT).

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/4/2018	SINAR HARIAN	NASIONAL	9



1

**1** Peserta persidangan mengambil gambar kenangan bersama Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA), Datuk Seri Dr Ismail Bakar (duduk, tengah) dan barisan tetamu jemputan khas.

**2** Lawatan Ke Ladang & Pusat Pengumpulan Mangga Harumanis, Bukit Bintang, Kangar, Perlis.

**3** Perjumpaan Dengan Pengurusan PNK Chenang di Kompleks Jeti LKIM Chenang, Kedah.

**4** Majlis Ramah Mesra Bersama Nelayan Perlis, Kuala Sangang, Perlis.

**5** Lawatan Ke Pusat Agropelancongan Padang Mat Sirat, Langkawi, Kedah.

**6** Persidangan & Mesyuarat Ketua-Ketua Audit Dalam Peringkat MOA 2018, IPP, Langkawi, Kedah.

**7** Timbalan Menteri Kewangan merangkap Pengerusi MADA, Datuk Othman (dua, kiri) menyampaikan cek kepada Portabuhan Peladang Kawasan (PPK) MADA.



2



3



4



5



6



7

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/4/2018	BERNAMA	ONLINE	

## Hasilkan inovasi pengurusan sumber air atasi perubahan iklim - KSU

Tarikh kemaskini: 23/04/2018

KANGAR, 23 April (Bernama) -- Semua agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MoA) diminta bekerjasama menghasilkan inovasi pengurusan sumber air secara lestari bagi menjamin sektor pertanian tidak terjejas akibat perubahan iklim global yang tidak menentu.

Ketua Setiausaha kementerian itu, Datuk Seri Dr Ismail Bakar berkata perubahan iklim turut mempengaruhi taburan hujan selain menjejaskan sumber air.

"Bagi mengimbangi sumber bekalan air yang terhad, perancangan jangka panjang adalah perlu dan ini boleh dilakukan dengan adanya teknologi atau inovasi berkesan.

"Kerjasama bersepadu ini mesti memfokuskan kepada usaha mengekalkan sumber air supaya pengeluaran makanan negara tidak terjejas," katanya ketika merasmikan persidangan tahunan Jabatan Pengairan dan Saliran ke-22 (MANCO ke-22) di sini, hari ini.

Persidangan bertemakan 'Innovative and Sustainable Agri-Water Management: Adapting To A Variable and Changing Climate' dianjurkan MoA, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Perlis dan Persekutuan Kebangsaan Bagi Pengairan dan Saliran Pertanian Malaysia (MANCID).

Ismail berkata perubahan tidak menentu iklim juga menyumbang kejadian bencana alam seperti banjir serta kemarau dan secara langsung menjejaskan bekalan makanan negara dan paling menerima kesan ialah masyarakat petani di luar bandar.

-- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/4/2018	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

## Orang ramai dinasihat beli Harumanis Perlis secara dalam talian melalui pengeluar sah - Raja Muda Perlis

Shariffuddin Saari  
23 April 2018 2:29 PM



TUANKU Syed Faizuddin Putra Jamalullail berkenan menerima cenderahati ketika berangkat bercemar duli menerima kunjungan sembah menghadap hormat oleh Anusart Suwanmongkol di Kangar, Perlis, semalam. - UTUSAN ONLINE

KANGAR 23 April - Orang ramai yang berhajat membeli memelam Harumanis Perlis secara dalam talian adalah dinasihatkan supaya berhati-hati dengan hanya membeli daripada pengeluar sah dan bukannya daripada iklan-iklan di laman-laman sosial yang tidak dapat dipastikan kesahihan sumber buah itu.

Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail bertitah, bimbang kemungkinan buah yang dijual tersebut tidak berkualiti dan lebih malang dicuri.

"Belilah Harumanis Perlis daripada para pekebun yang memiliki kebun-kebun yang mempunyai sijil Skim Amalan Pertanian Baik Malaysia (myGAP) atau kebun-kebun yang dijamin kualiti buahnya," titah baginda.

Baginda bertitah demikian selepas berkenan berangkat bercemar duli menerima kunjungan sembah menghadap hormat oleh anggota Dewan Undangan Kerajaan Thailand, Datuk Anusart Suwanmongkol di sini semalam.

Berangkat sama Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil.

Tuanku Syed Faizuddin Putra seterusnya bertitah, oleh itu para penggemar Harumanis Perlis di negara ini bolehlah mendapatkan buah yang menjadi ikon negeri ini melalui promosi-promosi yang dibuat oleh pihak FAMA di seluruh negara atau pejabat-pejabat pertanian negeri mengikut tarikh-tarikh promosi yang dihebahkan.

"Mereka juga boleh mendapatkan secara langsung di Pusat Pertanian Bukit Bintang 1, Sungai Batu Pahat, Perlis pada setiap hari waktu pejabat.

"Seperti mana tahun lalu, kemunculan kemuncak musim Harumanis Perlis pada tahun ini dijangka berlaku di dalam bulan Ramadan dan rebutlah peluang untuk menikmati buah ini," titah baginda.

Dalam pertemuan tersebut, Tuanku Syed Faizuddin Putra merangkap Yang Dipertua Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) turut memaklumkan kepada Anusart yang mewakili kawasan Pattani mengenai hasrat MAIPs untuk melaksanakan satu program dengan kerjasama Universiti Fatoni (FTU) di negara tersebut, pada penghujung tahun ini. - UTUSAN ONLINE

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/4/2018	KOSMO	ONLINE	

## Beli harumanis hanya daripada pengedar dalam talian yang sah

23 April 2018 3:06 PM



Orang ramai dinasihatkan agar membeli mempelam harumanis daripada penjual yang sah bagi mengelak menjadi mangsa tipu. - Gambar hiasan

KANGAR - Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail menasihati orang ramai supaya hanya membeli buah mempelam harumanis daripada pengedar dalam talian yang sah untuk mengelak ditipu.

Baginda bertitah, pembeli dalam talian sering terdedah kepada risiko menerima buah tidak berkualiti atau mungkin dicuri.

"Jangan beli melalui iklan-iklan yang hanya menjual harumanis tetapi tidak dapat dipastikan dari mana sumber buah diperoleh," titah baginda selepas berkenan menerima kunjungan hormat Anggota Dewan Perundangan Nasional Thailand, Datuk Anusart Suwanmongkol di sini hari ini.

Titah baginda lagi, kemuncak musim harumanis Perlis pada tahun ini dijangka pada bulan Ramadan dan orang ramai boleh mendapatkannya menerusi promosi anjuran Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) di seluruh negara.

Selain itu, buah yang menjadi ikon negeri ini juga dijual di Jabatan Pertanian negeri atau menerusi jualan secara langsung di Pusat Pertanian Bukit Bintang 1, Sungai Batu Pahat dekat sini.

Baginda bertitah, mempelam harumanis juga boleh dibeli terus daripada para pekebun yang mempunyai sijil Skim Amalan Pertanian Baik Malaysia atau myGAP selain dari kebun-kebun yang dijamin kualiti buahnya. - Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/4/2018	THE STAR	ONLINE	

## Three-in-one gathering of food producers

Monday, 23 Apr 2018  
by ruby lim



**Ahmad Shabery (third from left) presenting the Lifetime Achievement award to Dr Ahmad Mustafa (in wheelchair) at the ninth Malaysian Livestock Industry Awards. Looking on are (from left) Gandhi, Mohd Azumi and Dr Quaza.**

LIVESTOCK Asia 2018 was held at Kuala Lumpur Convention Centre to showcase the industry's latest innovations in products, services and technology.

The trade show's ninth edition was held alongside Asia Meatec 2018 and the inaugural Asian international aquaculture and fisheries industry event, Aquaculture Asia 2018 Conference, which focused on meat and aquaculture industries from production, processing and packaging to plate.

Agriculture and Agro-based Industry Minister Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek, who launched the event, commended the organisers for making this edition one of the largest industry gatherings in the region with the addition of the aquaculture sector.

"The combination of three significant events covers the entire meat and aquaculture value chain from farm to fork.

"It is hoped that Livestock Asia, Asia Meatec and Aquaculture Asia will provide a channel for industry stakeholders and policy influencers to offer new ideas and directions in terms of improving production efficiency or management systems in improving consumers' quality of life.

"The event would be the most ideal marketing channel to establish partnerships, enhance recognition and improve businesses," he said.

During the opening ceremony, Veterinary Services Department (DVS) director-general Datuk Dr Quaza Nizamuddin Hassan Nizam also gave a presentation about the development and government supporting the Malaysian livestock industry.

Additionally, 23 individuals and organisations in the livestock industry were recognised through the ninth Malaysian Livestock Industry Awards.

Present at the event were UBM Malaysia chairman Tan Sri Dr Ahmad Mustafa Babjee, who received the Lifetime Achievement Award during the Malaysian Livestock Industry Awards presentation, UBM Malaysia co-chairman General (Rtd) Tan Sri Mohd Azumi Mohamed and UBM Asia group managing director (Asean business) and vice-president M. Gandhi.

The three-day trade show featured over 200 leading local, regional and global manufacturers and distributors from 31 countries including China, Germany, Singapore, Taiwan, the Netherlands, Japan, South Korea, in addition to Malaysian firms.

Targeting RM200mil in transaction value, the highly anticipated trade event drew thousands of regional and international trade visitors and delegates, representing the entire value chain, including integrators, veterinarians, livestock and aquaculture farmers, feed millers, wholesalers, retailers, food processors, importers and distributors.

A series of conferences and seminars were held to discuss the latest innovations, trends and issues which include the International Poultry Forum, the third World Poultry Science Association-World Veterinary Poultry Association (Malaysia Branch) Scientific Conference, the DVS seminars on edible bird's nest, meat industry, dairy industry as well as the Aquaculture Asia 2018 seminar.

There was also an online Business Matching Programme which helped delegates, exhibitors and visitors arrange on-site meetings prior to the event.

Livestock Asia 2018 is an ongoing collaboration between UBM Malaysia, DVS and the Agriculture and Agro-based Industry Ministry, with support from the Fisheries Department and Federation of Livestock Farmers' Associations of Malaysia (FLFAM), World's Poultry Science Association (WPSA) Malaysian Chapter, The World Veterinary Poultry Association (WVPA) Malaysian Branch, Veterinary Association Malaysia (VAM) and Malaysian Animal Health and Nutrition Industries Association (Mahnia).

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/4/2018	THE STAR	ONLINE	

## State working with fishermen to stop African catfish threat

METRO NEWS  
Monday, 23 Apr 2018



**Dr Muhammad Farid (centre, white shirt), Penang Malaysian Anti-Corruption Commission deputy director Ch'ng Soon Heng (next to him) and Noraisyah releasing fish fry into the sea off Pulau Betong.**

THE release of African catfish in Penang waters has posed a major threat to the local fish population.

State Fisheries Department director Noraisyah Abu Bakar said the department was working with fishermen to counter this problem.

"Our cooperation has yielded some results as the threat is now at a manageable level," she said during the 'Program Bersama Komuniti Perikanan Berintegriti' held at Fisheries Jetty at Pulau Betong in Balik Pulau recently.

Noraisyah said the department had also explained to several religious organisations the danger of releasing catfish into Penang waters.

Noraisyah said their target was to release 310,000 fish fry in Penang waters as part of its Key Performance Indicator.

"The release of fish fry will ensure sufficient food supply for the people," she said.

Pulau Betong assemblyman Datuk Dr Muhammad Farid Saad, who launched the programme, said 680,720 fish fry and prawns were released in Sungai Perai, Sungai Korok and Sungai Kerian.

"The Fisheries Department named 32 species of alien fish being released in Malaysian waters in 2017.

"If left unchecked, the alien fish will affect the biodiversity and habitats of the local fish species," he said.

Dr Muhammad Farid said the Fisheries Department would continue to monitor the danger in Penang.